



KENYATAAN MEDIA

TIMBALAN MENTERI PERPADUAN NEGARA

MENGHORMATI KEPELBAGAIAN AGAMA, MENJAGA PERPADUAN

Saya ingin menegaskan bahawa, sebagai sebuah negara yang berbilang kaum dan agama, adalah amat penting untuk setiap individu di Malaysia menghormati kepercayaan dan amalan agama yang berbeza. Merujuk kepada isu poster komik berkaitan agama Hindu yang timbul baru-baru ini, saya **mengambil serius terhadap isu-isu yang menggugat keharmonian dan perpaduan masyarakat kita**.

Saya mohon agar semua pihak menghentikan serta-merta polemik berhubung isu-isu yang boleh mengganggu keharmonian masyarakat. Jangan sesekali menyentuh sensitiviti agama, kerana ia boleh membawa kepada ketegangan dan perpecahan yang tidak diingini. Kita perlu **faham, hormat, dan terima** kepercayaan dan amalan orang lain sebagai sebahagian daripada usaha untuk mengekalkan perpaduan nasional. Dengan cara ini, kita dapat menunjukkan penghormatan terhadap kepercayaan orang lain serta menghargai kepentingan budaya, sejarah, dan rohani yang terkandung dalam amalan tersebut.

Malaysia sebagai sebuah negara yang unik, terbentuk atas semangat persatuan di kalangan rakyat pelbagai latar belakang, berbilang kaum dan agama untuk hidup bersama secara harmoni. Sejarah negara kita telah membuktikan bahawa keamanan dan kemajuan yang dikecapi pada hari ini adalah hasil daripada semangat perpaduan, di mana pelbagai kaum dan agama bersatu padu demi mencapai keamanan dan kemajuan bersama. Dalam hal ini, **Rukun Negara perlu dijadikan panduan utama dalam membentuk kehidupan yang harmoni di Malaysia**. Prinsip-prinsip yang terkandung dalam Rukun Negara mengajar kita untuk menghormati perbezaan dan hidup bersama dalam suasana yang aman.

Kita perlu berbangga dengan kepelbagaian yang wujud di negara tercinta ini, di mana setiap etnik dan agama diterima dan dihargai. Ini mencerminkan semangat Malaysia MADANI yang diterapkan oleh kerajaan, yang mementingkan persefahaman dan sikap hormat-menghormati antara pelbagai lapisan masyarakat.

Oleh itu, saya menyeru semua pihak untuk terus memupuk sikap hormat-menghormati dan mengelakkan daripada membuat kenyataan yang boleh menggugat perpaduan masyarakat berbilang kaum dan agama di negara ini. Dengan perpaduan dan rasa hormat yang tinggi, kita dapat memastikan bahawa negara ini kekal sebagai sebuah tempat yang aman dan harmoni untuk semua.

Terima Kasih.

**YB SENATOR PUAN SARASWATHY KANDASAMI
TIMBALAN MENTERI PERPADUAN NEGARA
30 OGOS 2024**